

Raih penarafan QS 5 Stars untuk pembelajaran dalam talian

Berita Harian (Varsiti) 25/6/2020 (Khamis) m/s: 36

Kuala Lumpur: Taylor's University meningkatkan pencapaiannya dengan mendahului universiti swasta lain apabila melonjak sebanyak 135 tempat pada kedudukan ke-379 menerusi penarafan Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings 2021, baru-baru ini.

Naib Canselor merangkap Presiden Taylor's University, Prof Michael Driscoll, berkata pencapaian membanggakan pada peringkat antarabangsa itu jelas memperlihatkan keyakinan terhadap strategi pengajaran dan pembelajaran yang diterapkan universiti itu.

Beliau berkata, laporan Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings 2021 mengesahkan Taylor's University sebagai antara universiti terbaik di Malaysia yang menyediakan pendidikan bertaraf dunia kepada pelajarannya.

"Kedudukan tinggi dicapai universiti mengikut penilaian QS 5 Stars, baru-baru ini, (tahap tertinggi) untuk kualiti pembelajaran dalam talian kami yang melayani

pelajar dengan baik terutama ketika penutupan kampus yang dikuatkuasakan kerajaan.

"Pembelajaran dalam talian bertaraf dunia yang ditawarkan membolehkan pelajar kami menamatkan pengajian tanpa gangguan serta bergraduasi pada waktunya," katanya kepada *BH Varsiti*.

Untuk rekod, Taylor's University mengekalkan kedudukan 20 teratas dunia untuk subjek Pengurusan Perhotelan dan Rekreasi yang dipertandingkan dalam QS World University Rankings by Subject 2020, selain berada pada kedudukan ke-109 menerusi QS Asia University Rankings 2020.

Prof Michael menjelaskan Taylor's University adalah satu daripada beberapa universiti di Asia yang mendapat penarafan QS 5 Stars untuk Pembelajaran Dalam Talian iaitu penilaian kategori tunggal baharu dalam QS Stars.

"Pencapaian ini sangat ketara kerana tidak pernah terjadi sebelum ini bagi industri pendidikan di seluruh dunia dengan univer-



Prof Michael Driscoll

siti telah beralih ke pembelajaran dalam talian atau jarak jauh bagi menggantikan kelas fizikal.

"Seiring pandemik COVID-19 kini, universiti sentiasa meletakkan kesihatan, keselamatan pelajar dan kakitangan sebagai keutamaan, pada masa sama memastikan kesinambungan pembelajaran pelajar dari kediaman mereka," katanya.



Pelajar dapat menamatkan pengajian tanpa gangguan berikutan pembelajaran dalam talian bertaraf dunia yang ditawarkan di Taylor's University (Foto hiasan)

Selain Taylor's University, turut disenarai dalam QS World University Rankings 2021 ialah UCSI University pada kedudukan 391 (2020: 442) dan Universiti Teknologi Petronas (UTP) pada kedudukan 439 (2020: 482).

Terdapat juga 11 institusi pendidikan tinggi tempatan (awam dan swasta) disenaraikan dalam

senarai *Top 1,000 QS World University Rankings 2021* iaitu Management and Science University (MSU), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Sunway University, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Multimedia University (MMU).